

16/11/1997

PBSNT ikrar sokong Dr M

KUALA TERENGGANU: Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu (PBSNT) juga menyatakan sokongan padu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mengutuk keras campur tangan 34 Ahli Kongres Amerika mengenai hal ehwal negara ini.

Ikrar sokongan itu diterima sebulat suara lebih 200 perwakilan daripada kelab gabungan PBSNT dan dijadikan usul utama mesyuarat agungnya, yang diadakan di Wisma Sri Amar, di sini semalam.

Mesyuarat agung itu dirasmikan Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Abu Bakar Daud, hadir sama.

(END)